


NewspaperSG

Tujuh kali juara berturut-turut

Berita Harian, 21 March 2011, Page 16

 Article also available on Microfilm Reel NL31281

Printer-Friendly Page

Tujuh kali juara berturut-turut

*Singapura penuhi
matlamat
di Kejohanan
Pencak Silat Sijori*

SILAT

Oleh !

SAPARIN RASIKIN *saparin@asph.com.sg*

SINGAPURA memenuhi matlamat utamanya dengan menjuarai Kejohanan Pencak Silat Sijori buat kali ketujuh berturut-turut di Dewan Sukan Bedok semalam.

Pasukan A mengekalkan keunggulan Singapura selepas Nurshahrin Shahrudin memenangi pingat emas kedua Singapura A meskipun lima lagi rakan sepasukannya belum lagi ke gelanggang dalam final masing-masing.

Ini kerana lapan pingat emas cukup untuk menjadi kedudukan sebagai juara keseluruhan selepas kejayaan para pesilat kategori seni membolot semua enam pingat emas pada hari pertama.

 Scroll to Top

“Saya amat gembira kerana kemenangan saya ini menjamin Singapura sebagai juara keseluruhan,” kata Nurshahrin, yang turut mendapat ‘hadiah pelukan’ daripada ibunya, Noraini Chikni.

Nurshahrin, 16 tahun, menunjukkan kegigihan mengalahkan pesilat Tanjong Pinang, Rudi Anggara, 3-2, dalam kelas D.

“Kejayaan ini menyuburkan semula minat saya untuk lebih serius selepas menarik diri hampir dua tahun sebelum kembali berlatih lewat tahun lalu.”

Bagi Nurshahrin, ini merupakan kejohanan antarabangsa pertamanya dan beliau berazam mahu bersaing mewakili Singapura dalam Sukan SEA Indonesia November ini.

“Saya berharap mendapat tempat semasa pemilihan skuad Sukan SEA nanti,” tambah pelajar menengah lima Sekolah Menengah Loyang itu.

Sebelum ini, srikandi Nurindah Mursani memungut pingat emas ketujuh Singapura A dengan kemenangan tipis 3-2 ke atas Gusma Herianti dari Riau dalam kelas A.

“Beliau (Gusma) adalah antara pesilat handalan dalam kelas ini yang bakal menyertai pertandingan pemilihan skuad Indonesia,” jelas Nurindah, yang bakal memasuki tahun kedua di Politeknik Republik.

“Sungguhpun dengan kemenangan tipis, saya tetap gembira memenuhi harapan menggunakan kejohanan ini sebagai kemampuan diri sebagai persediaan awal ke Kejohanan Asia bulan depan dan Sukan SEA November nanti.”

Dalam perlawanannya, Nurindah men-

jatuhkan lawannya dua kali pada pusingan kedua, yang disifatkan sebagai cukup bagi beliau memenangi perlawanannya.

“Pada pusingan ketiga, saya sekadar mengawal permainan dan mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan yang boleh membawa padah,” tambah srikandi berusia 18 tahun itu.

Seterusnya, Singapura memenangi tiga lagi pingat emas bagi melengkapi final sesi petang menerusi Md Saifullah Md Julaimi,

Md Nur Shafiq Md Saiful dan Zafirah Hamizah Zulkifli.

Pesilat mapan, Saifullah, menewaskan Mohd Farhan Yacoob dari Johor 5-0 untuk memenangi kelas I, sementara Shafiq menang 4-1 ke atas Ade Putra dari Riau dalam kelas H dan Hamizah mengalahkan pesilat Singapura B, Nur Shazira Osman, 5-0 untuk menjuarai kelas E.

“Sebenarnya, saya memang yakin dapat mencatat kemenangan,” kata Saifullah.

“Saya bermain dengan agresif bagi menghalang lawan daripada melancarkan serangan”

Shafiq pula berkata: “Saya agak marah terhadap dua tumbukan lawan yang kena hidung saya tetapi perlu menenangkan diri dan fokus bagi memenangi perlawanan ini.”

Sementara itu, kejayaan membanggakan dicatat srikandi Singapura B, Nur Liana Shaila Md Hod, yang mengalahkan Soraya Khairani dari Riau 3-2 dalam kelas D.

“Saya mengecap dua kepuasan daripada kemenangan ini,” kata Liana, 15 tahun, pelajar menengah empat Sekolah Sukan Si-

ngapura.


“Pertama, pencapaian ini merupakan kejayaan peribadi dan pasukan dan kedua, dapat menebus kekalahan rakan senegara di tangan pesilat Riau ini.”

Di peringkat separuh akhir, Soraya memeranjatkan dengan menyingkirkan Nur Zulaikha Zakaria.

‘ Saya amat gembira kerana kemenangan saya ini menjamin Singapura sebagai juara keseluruhan. Kejayaan ini menyuburkan semula minat saya untuk lebih serius selepas menarik diri hampir dua tahun sebelum kembali berlatih lewat tahun lalu. Saya berharap mendapat tempat semasa pemilihan skuad Sukan SEA nanti.

– **Nurshahrin Shahrudin.**


Nota: Dua lagi pesilat Singapura, Md Sha-kir Juanda dan Nurul Suhaila Md Saiful, beraksi dalam final sesi malam yang tidak sempat kami laporkan kerana akhbar ini dicetak lebih awal.



HADIAH ISTIMEWA: Nurshahrin Shahrudin didukung ibunya, Noraini Chikni, atas kejayaan memenangi pingat emas kelas D. – Foto-foto **TAUFIK A KADER**

- Foto-foto **TAUFIK A KADER**

^ Scroll to Top



BANGGA DAN PUAS HATI: Nurindah Mursani (*kiri*) dan Nur Liana Shaila Md Hod tersenyum dengan pingat dan maskot kejayaan masing-masing.

^ Scroll to Top